



YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
No.56A, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar,
Kedah Darul Aman

Tel: 04-7302703 No. Fax : 04-7303713

Laman web : www.yink.gov.my e-mel : info@yink.gov.my

**PERMOHONAN PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH
KE UNIVERSITI DI TIMUR TENGAH (MESIR & JORDAN) YANG DIKTIRAF
OLEH KERAJAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN
ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS) BAGI TAHUN 2023/2024**

Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK) mempelawa calon yang berkelayakan untuk memohon pinjaman pendidikan bagi melanjutkan pengajian di dalam bidang Sains Kesihatan dan Pengajian Islam Peringkat Ijazah Sarjana Muda di dalam dan luar Negara.

SYARAT PERMOHONAN PINJAMAN YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

1. **Anak Negeri Kedah Darul Aman** seperti takrif berikut :
 - a. Beragama Islam;
 - b. Pemohon atau ibu bapa yang dilahirkan di Negeri Kedah Darul Aman;
ATAU
 - c. Pemohon atau ibu bapa lahir di luar Negeri Kedah dan telah bermastautin/menetap di Negeri Kedah melebihi dari sepuluh (10) tahun hendaklah mengemukakan surat pengesahan pemastautin daripada Pegawai Daerah/Penghulu Mukim bersama pengesahan Imam Kariah;
 - d. Tidak mendapat sebarang tajaan daripada mana-mana pihak;

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	SYARAT KELAYAKAN
1.	IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI DI MESIR	Sains Kesihatan (Perubatan, Pergigian dan Farmasi)	Pelajar tahun 1 yang sedang dalam pengajian layak memohon Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Kimia, Fizik dan Biologi

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	SYARAT KELAYAKAN
2.	IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)	Perubatan dan Pembedahan	<p>Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon</p> <p>Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Kimia, Fizik dan Biologi</p>
3.	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM DI MESIR	Pengajian Islam / Bahasa Arab / Tahfiz Al Quran / Ulum Islamiah	<p>Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon (Pelajar yang masih di Markaz Bahasa tidak layak memohon)</p> <p>Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan sekurang-kurangnya pangkat Jayyid atau</p> <p>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam semua matapelajaran berikut</p> <p>Bahasa Malaysia, Bahasa Arab/Tinggi/ Komunikasi, Pendidikan Al Quran dan As-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah</p>
4.	IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN ISLAM DI JORDAN	Pengajian Islam / Syariah & Undang-Undang	<p>Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon</p> <p>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam semua matapelajaran berikut:</p> <p>Bahasa Malaysia, Bahasa Arab/Tinggi/ Komunikasi, Pendidikan Al Quran dan As-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah</p>

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	BIDANG	SYARAT KELAYAKAN
5.	IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)	Perakaunan	<p>Pelajar tahun 1 dan ke atas layak memohon</p> <p>Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran berikut:</p> <p><i>Mathematic/Additional Mathematics</i></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.30 pada peringkat Matrikulasi/Asasi.</p>

CARA MEMOHON

Permohonan Pinjaman Pendidikan boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi YINK di www.yink.gov.com. (Pinjaman Pendidikan) mulai **23 OKTOBER 2023**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah diisi hendaklah dicetak dan dihantar ke **Yayasan Islam Negeri Kedah, No. 56A, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar, Kedah sebelum atau pada 06 November 2023** beserta salinan sijil dan dokumen yang telah disahkan. Hanya calon yang layak akan dipanggil temuduga.